

Anjur Karnival Maal Hijrah 2014 di Masjid Khalid Al-Walid dari 24 hingga 26 Okt.

USIM-Kagat jalin kerjasama

Oleh MOHAMAD HAFIZ

YUSOFF BAKRI

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 16 Okt. - Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menganjurkan Karnival Maal Hijrah 2014 bertempat di Masjid Khalid Al-Walid, Kementerian Pertahanan di sini bermula pada 24 hingga 26 Oktober ini.

Karnival tersebut akan dianjurkan oleh 32 pelajar fakulti itu yang juga merupakan tenaga kerja Konvensyen Keusahawanan Islam kali ke-10 (ICEPS10) iaitu pengelola Pesta Konvo USIM ke-12 yang akan diadakan pada pertengahan November ini.

Pengarah Karnival Maal Hijrah 2014, Zainul Akmal Nurhudawi berkata, karnival tersebut buat julung kali diadakan dengan kerjasama Kor Agama Angkatan Tentera (Kagat) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

"Tujuan program ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada ahli ICEPS10 dan juga pelajar supaya dapat menggalakkan mereka mendalami ilmu pengetahuan dan mendekati diri dengan



masyarakat luar kampus.

"Selain itu, karnival seperti ini dapat membawa masyarakat supaya lebih faham dan jelas mengenai pengertian Maal Hijrah serta dapat mempraktikkan dalam urusan seharian demi mewujudkan masyarakat yang bertamadun di dunia dan akhirat seiring dengan konsep 'wasatiyyah' yang dianjurkan oleh kerajaan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Masjid Khalid Al-Walid, Leftenan Kolonel Sukri Yunus berkata, pihak Kagat menyokong penuh program yang dianjurkan oleh pelajar USIM sebagai salah satu usaha untuk mewujudkan medium dakwah dalam mengajak masyarakat mendekati masjid.

Pelbagai aktiviti akan diadakan



ZAINUL Akmal Nurhudawi (empat dari kiri) dan Sukri Yunus (lima dari kiri) serta tetamu yang lain selepas perbincangan mengenai penganjuran Karnival Maal Hijrah 2014 di Kuala Lumpur, semalam.

sepanjang program tersebut berlangsung seperti aktiviti jualan, permainan tradisional, pertandingan mewarna, segmen bual bicara bersama selebriti juga persembahan nasyid oleh artis yang diundang

khas pada malam pembukaan karnival nanti.

Karnival Maal Hijrah ini dijangka dirasmikan oleh Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin.

Sehubungan itu, orang ramai dijemput hadir untuk memeriahkan karnival ini yang mendapat tajaan daripada beberapa organisasi korporat seperti PIDM Stormreaders Network, Zamzamil Enterprise dan Gauze.